

Nurhani Membentuk Jiwa Prihatin



Anakanda Nurhani Masjuki terpaksa mengorbankan privacy beliau, selaku anak pengasas dan pengetua RPWP.

Beliau terpaksa berkongsi ayah kandung bersama anak-anak asnaf yang lain, juga sama-sama makan minum, belajar, bersekolah bersama mereka tanpa sedikitpun double standard. Beliau juga turut sabar membantu ibu menjaga kakaknya seorang OKU DownSyndrome.

Seperti anak-anak yang lain, Nurhani tidak terlepas dari ikut berpuasa sunat isnin khamis. Di sekolah Nurhani sibuk dengan tugas pengawas dan ko-kurikulum. Pelbagai program pendidikan yang padat di RPWP juga tidak menggugat beliau.

Nurhani tetap unggul di bidang akademik. Beliau telah memenangi ANUGERAH EMAS (Tahap tertinggi peringkat sekolah

beliau), juga turut memenangi anugerah Markah tertinggi beberapa subjek di Sekolah Kebangsaan dan sekolah agama.

Bukan itu saja, Lebih Istimewa lagi apabila beliau mengikuti jejak ayah dan abang-abangnya. Beliau telah menyerahkan hadiah KEJAYAAN ANUGERAH EMAS berjumlah RM300 serta hadiah basikal baru yang dikurniakan oleh pihak PIBG itu kepada RPWP untuk digunakan oleh anak-anak asnaf yang lelaki.

Beliau bercita-cita untuk menjadi seorang Doktor perubatan, pengkhususan bidang sakit puan bila tiba waktunya nanti. SYABAS anakanda Nurhani. Doa kami tetap mengiringi mu.

Pelajaran :

Mengurangi kelebihan dan kemewahan hidup, MENGGALAKKAN anak bergaul dengan para asnaf dan anak yatim walaupun dalam serba kekurangan sambil memerhatikan kerukunan hidup jemaah ibu bapa pendokong berjaya memberi kesedaran dan motivasi tertinggi untuk pembinaan akhlak dan sahsiah anak-anak.

ALHAMDULILLAH.

Hasil pemerhatian

WARGA PRIHATIN